



SIARAN MEDIA

MINGGU USAHAWAN NEGARA (MUN) DAN MINGGU PMKS 2023 CATAT POTENSI JUALAN MELEBIHI SASARAN RM70 JUTA

KUALA LUMPUR, 9 Julai 2023 – Minggu Usahawan Negara (MUN) dan Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) 2023 Peringkat Kebangsaan berjaya merekodkan potensi jualan sebanyak **RM25 juta** menjadikan nilai keseluruhan potensi jualan berjumlah **RM76 juta** dicatatkan setakat ini sepanjang penganjurannya di lima lokasi di seluruh negara. Manakala, seramai **536** usahawan berpotensi menerima pembiayaan perniagaan sehingga **RM29 juta**. YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang telah menyempurnakan perasmian program ini juga turut menyampaikan surat pelantikan Syarikat Prinsipal IB di bawah Inisiatif Pembangunan Rantaian Nilai Perniagaan Inklusif (IB-VCDI) dan Sijil Program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) kepada PMKS bertaraf 5 Bintang di bawah SME Corp. Malaysia.

Penganjuran MUN dan Minggu PMKS oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensi peneraju SME Corp. Malaysia ini bertujuan meningkatkan kesedaran umum tentang produk dan perkhidmatan PMKS daripada pelbagai industri serta memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat. Bertemakan “Sokong Lokal, Sokong PMKS” sebagai sokongan terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan PMKS. MUN dan Minggu PMKS turut bertindak sebagai platform hebahan maklumat mengenai program pembangunan PMKS yang ditawarkan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dalam ucapan perasmianya berkata, “Kerajaan Perpaduan melalui visi dan kerangka MADANI akan kekal komited memperkasakan pembangunan PMKS. Penganjuran MUN dan Minggu PMKS seperti ini mampu menjadi platform yang sesuai bagi membawa produk atau perkhidmatan usahawan tempatan termasuklah dari luar bandar untuk terlibat dengan aktiviti padanan perniagaan bagi memperluas jaringan perniagaan ke pasaran baharu”.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam ucapan aluannya pula berkata “Penganjuran MUN dan Minggu PMKS ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan melalui Dasar Keusahawanan Nasional 2030, untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat. Minggu PMKS pula secara langsung mengiktiraf peranan dan sumbangan PMKS kepada pembangunan ekonomi negara.

Tambah YB Datuk Ewon, pada tahun 2021, 97.4% perniagaan yang didaftarkan di Malaysia terdiri daripada PMKS, merangkumi jumlah keseluruhan melebihi 1.2 juta perniagaan. PMKS telah menyumbang sebanyak RM518.1 bilion atau 37.4% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 7.32 juta orang”. Penekanan kepada kepentingan PMKS sebagai tunjang ekonomi negara ini adalah bertepatan dengan nilai teras Kemampanan dan Kesejahteraan dalam konteks pertumbuhan ekonomi di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Sambutan MUN dan Minggu PMKS Peringkat Kebangsaan pada tahun ini juga dimeriahkan dengan 200 reruai di karnival jualan dan gerai pameran termasuk penampilan istimewa reruai selebriti seperti YBhg. Datin Fouziah Gous, Erma Fatima, Zarina Zainuddin, Lan Solo dan Betty Rahmad. Pelbagai aktiviti berkaitan keusahawanan diadakan antaranya sesi khidmat nasihat perniagaan, bicara niaga inklusif dan kuiz keusahawanan. Selain itu, aktiviti-aktiviti lain turut disediakan untuk pengunjung seperti persembahan artis, jualan *food truck*, pertandingan *TikTok*, pertandingan solekan, pertandingan mewarna, demonstrasi *wrap* kereta, demonstrasi dan pertandingan menghias kek, demonstrasi mangkuk tingkat, persembahan *buskers* dan forum perdana.

Selain KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya, program ini turut mendapat sokongan dan penglibatan daripada pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan PMKS termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), badan-badan korporat seperti Pos Malaysia Berhad sebagai Rakan Kurier Rasmi dan Unifi Business, Telekom Malaysia Berhad (TM) yang merupakan Rakan Teknologi Eksklusif, institusi-institusi kewangan iaitu Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Credit Guarantee Corporation (CGC) dan Malayan Banking Berhad (Maybank) sebagai Rakan Strategik, serta universiti dan persatuan industri.

MUN dan Minggu PMKS 2023 Peringkat Kebangsaan di Dataran Merdeka yang berlangsung sejak 7 Julai merupakan lokasi yang kelima selepas penganjurannya di Pulau Pinang (Zon Utara), Sarawak, Melaka (Zon Selatan) dan Pahang (Zon Pantai Timur) sepanjang bulan lalu. Sabah yang merupakan lokasi terakhir dan bakal menutup MUN dan Minggu PMKS pada tahun ini akan diadakan dari 15 hingga 16 Julai di Kota Kinabalu.

Hadir sama dalam majlis perasmian ialah YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
SME CORP. MALAYSIA**

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah

Bahagian Komunikasi Strategik

(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)

Tel : 03-2775 6290

E-mel : suraini@smecorp.gov.my